

# PETEMPATAN DAN KEHIDUPAN KOMUNITI BAJAU LAUT DI PULAU GUSUNGAN, SEMPORNA, SABAH

*Ismail Ali*

## **Abstract**

The purpose of this article is to document a small and unique island inhabited by the Bajaus, known as Gusungan Island in Semporna, Sabah. The island's documentation is based on written notes taken when a field work was done on the several islands in Semporna for eco-tourism. Although this island is the main access to Sipadan, Mabul, Kapalai, Si Amil and Ligitan islands, its existence in Semporna and the Sulu Sea is not noticed by the local public, and often the source of tale by the outsiders, specially tourists, who have no efforts to do research to make this island known to the local populace. Moreover, the disquieting disappearance of Kapalai's history from sight should be a lesson to everyone. This article is written with the intention of documenting Gusungan Island's existence and its occupants (the Bajau sea community) and be seen as the 'pearl' in the secluded 'dessert' of the Sulu Sea, that would probably in time, receive the same fate as that of Kapalai Island, lost without leaving its history behind.

## **Pengenalan**

Pulau Gusungan yang juga dikenali sebagai Pulau Tampalanus merupakan antara pulau yang paling terkecil daripada puluhan pulau-pulau yang wujud di perairan Semporna. Walaupun pulau ini menjadi laluan utama menuju ke Pulau Sipadan, Mabul, Kapalai, Si Amil dan Ligitan namun kewujudannya diperaian Semporna dan Laut Sulu ini seolah-olah tidak dindahkan oleh penduduk tempatan dan seringkali menjadi bahan ketawa orang luar terutamanya para pelancong serta tiada sebarang usaha yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji untuk mendokumentasikan pulau ini untuk diketahui oleh masyarakat umum. Apa yang lebih membimbangkan lagi sejarah kewujudan dan hilangnya Pulau Kapalai dari pandangan mata harus dijadikan iktibar oleh semua pihak. Atas kesedaran dan keinsafan tersebut, makalah ini ditulis dengan tujuan untuk mendokumentasikan kewujudan Pulau Gusungan yang boleh diibaratkan sebagai "sebutir mutiara" dan sebuah "pulau padang pasir" yang gersang di Laut Sulu yang mungkin suatu masa juga akan menerima nasib yang sama seperti Pulau Kapalai yang tenggelam tanpa meninggalkan catatan sejarahnya.

Peta 1: Kedudukan Pulau Gusungan



Sumber: David & Sue Fielding. *Borneo Jewel in a Jade Rainbow: Letters & Legends from North Borneo Sabah*, Kota Kinabalu: Koisaan Cultural Development Institute, 1997, hlm. 221.

### Latar Belakang Fizikal Pulau Gusungan

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, sejarah asal usul dan kewujudan Pulau Gusungan di perairan Semporna dan Laut Sulu masih lagi belum pernah ditulis dan didokumentasikan secara ilmiah oleh mana-mana pengkaji. Selain disebut sebagai Gusungan, pulau ini juga lebih dikenali sebagai Tampalanus oleh penduduk tempatan yang membawa makna "batu karang layu". Dalam bahasa Suluk perkataan *tampa* membawa maksud karang dan perkataan *lanus* pula membawa makna layu. Dari segi asal usul dan sejarah pulau ini Berdasarkan temuramah pengkaji bersama penduduk di pulau ini dan penduduk lain di pulau-pulau berhampiran sendiri tidak dapat menyatakan secara tepat sejarah asal usul pulau ini seperti bila dan bagaimana pulau ini terbentuk. Menurut En. Kassim Jumat<sup>1</sup> yang tinggal di Pulau Menampilik dan En. Arsad Al-Masin yang telah tinggal di Pulau Gusungan selama lebih kurang empat tahun menyatakan bahawa dahulunya kawasan di mana pulau ini berada pada masa kini hanyalah merupakan kawasan batu karang sahaja dan timbul ke permukaan air apabila air surut dan ditenggelami semula apabila air pasang.

Menurut En. Arsad Al-Masin lagi, kemunculan pulau ini ke permukaan air mula dirasai apabila para nelayan yang menggunakan dahulunya seringkali menangkap ikan di kawasan ini tidak lagi dapat melalui kawasan ini kerana airnya terlalu cetek walaupun semasa air pasang sehingga menyebabkan bot mereka

### Gambar 1: Pemandangan Pulau Gusungan



Sumber: Kajian Lapangan

terkandas. Evolusi kemunculan batu karang ini ke permukaan laut berterusan dari hari ke hari, bulan ke bulan dan tahun ke tahun sehinggalah pada akhir tahun 1988 batu karang ini telah timbul di permukaan laut sepenuhnya membentuk sebuah pulau batu karang dan kini diliputi oleh pasir sepenuhnya. Dari segi geologinya dapatlah dikatakan bahawa proses pembentukan pulau ini mempunyai hubungkait yang rapat dengan pergerakan dasar laut (lintap mungkun dan lintap lendut) yang sentiasa berlaku didasar Laut Sulu.

Dari segi saiz dan keluasan adalah kecil sahaja iaitu tidak sampai setengah hektar dan dikelilingi oleh laut serta dipagari oleh tompokan batu karang. Kedudukannya yang strategik yakni terletak di laluan perjalanan antara Pekan Semporna menuju ke Pulau Mabul, Sipadan dan Kapalai; saiznya yang kecil; dan permukaannya yang diliputi oleh pasir yang memutih seringkali menimbulkan pertanyaan sebagai rasa tanda hairan bagaimana pulau tersebut boleh wujud yang boleh diibaratkan seperti “sebutir mutiara di Laut Sulu” dan tidak kurangnya menjadi bahan ketawa di kalangan para pengunjung tempatan dan asing yang melewati pulau ini menuju ke Pulau Sipadan, Mabul dan Kapalai kerana hanya ditumbuhi oleh beberapa batang pokok kelapa serta dihuni oleh beberapa buah rumah yang daif lagi usang ibarat sebuah “kandang ayam”, kanak-kanak yang tidak berpakaian dan sebagainya.

Apa yang cukup menarik untuk diperkatakan tentang pulau ini ialah walaupun pulau ini tidak sesuai untuk dijadikan petempatan kerana saiznya yang terlalu kecil dan muka buminya yang gersang yakni diliputi pasir sepenuhnya, namun pulau ini tetap dihuni dan dijadikan perkampungan. Untuk menghidupkan pulau ini, penduduk di pulau ini tiada piulihan selain dari menanam sendiri pokok kelapa dan pokok kayu dengan tujuan untuk menghalang tiupan angin kencang dan tempat berteduh. Sehingga kajian ini dijalankan, terdapat enam batang pokok kelapa dewasa yang berusia sekitar tiga hingga empat tahun, enam batang pokok kelapa muda yang berusia kurang dari setahun dan dua pokok kayu yang berusia sekitar empat hingga enam tahun di pulau ini.

## Corak Kehidupan Komuniti Bajau Laut

Berdasarkan kepada bancian yang dijalankan mendapati terdapat 10 buah rumah (siap dan separa siap) yang dihuni oleh kira-kira 50 orang penduduk termasuk kanak-kanak di Pulau Gusungan yang majoritinya terdiri daripada komuniti Bajau Laut (Pala'u) yang beragama Islam. Dari segi status kerakyatan pula, penduduk di pulau ini langsung tidak memiliki kad pengenalan atau sebarang dokumen pengenalan diri dan sukar untuk diklasifikasikan samada bertaraf "pendatang tanpa izin" atau "pelarian perang" walaupun telah lama menetap dikawasan perairan dan pulau-pulau di Semporna. Bagi pihak kerajaan Negeri Sabah juga menghadapi kesukaran untuk menyalurkan pelbagai bantuan di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) disebabkan status mereka dan pulau tersebut tidak pernah diwartakan sebagai perkampungan. Dalam erti kata lain, pembinaan petempatan oleh masyarakat Bajau Laut di pulau ini boleh dikategorikan sebagai setinggian sahaja. Apa yang menarik untuk dibincangkan di sini ialah kebanyakan masyarakat Bajau laut di daerah Semporna mula mengalami transformasi sosial yang agak ketara sejak akhir-akhir ini iaitu mula mendirikan rumah kediaman mereka di atas tanah daratan atau di atas air di beberapa buah pulau seperti Pulau Mabul, Dinawan, Si Amil, Omodal Bohey Dulang, Timba-Timba, Matakang dan lain-lain pulau di perairan Semporna.

Perubahan sikap masyarakat Bajau Laut pada masa kini jauh berbeza dengan sikap mereka pada tahun 70-an hingga 90-an yakni enggan membina petempatan di daratan dan lebih suka tinggal di dalam bot sahaja. Sepertimana juga dengan rumah-rumah masyarakat Bajau Laut di kebanyakan pulau di Semporna, rekabentuk rumah dan bahan binaannya adalah bersahaja sahaja (daif) yakni seumpama pondok persinggahan sahaja. Kebanyakan rumah yang didirikan oleh penduduk masih lagi beratapkan rumbia dan berdinginkan papan atau kain kanvas terpakai sahaja. Sementara itu, atap rumah mereka pula ada yang diperbuat daripada rumbia dan zink. Berdasarkan kepada pemerhatian juga mendapati terhadap tiga buah rumah yang masih lagi terbengkalai pembinaannya tetapi telah diduduki juga disebabkan oleh ketiadaan bahan-bahan binaannya lagi. Secara puratanya, setiap rumah yang berkeluasan antara 15-20 kaki panjang dan lebar antara 10-15 kaki akan didiami oleh 8-15 isi rumah dan selebihnya terutama kaum lelaki akan tidur di bawah rumah sahaja. Walaupun tinggal dalam keadaan yang bersesak dan kurang selesa, namun sikap persaudaraan dan tidak mementingkan diri yang ditunjukkan oleh mereka adalah tinggi.

Selain mendirikan rumah di atas pulau, terdapat juga segelintir masyarakat Bajau Laut (*Pala'u*) yang masih lagi tinggal bersama keluarga mereka di dalam bot dan hanya sekali sekala naik ke pulau ini untuk tujuan tertentu. Antara alasan yang utama yang seringkali diberikan untuk tidak berpindah ke daratan ialah jatuh sakit, ditimpa malapetaka, menyambung tradisi nenek moyang, tidak mampu mendirikan rumah dan lain-lain lagi. Dalam erti kata lain, masyarakat Bajau Laut yang tinggal di dalam bot ini hanya menjadikan kawasan perairan Pulau Gusungan sebagai tempat persinggahan sementara terutamanya apabila laut bergelora dan akan berpindah serta kembali semula mengikut keperluan semasa.<sup>2</sup> Sepertimana juga halnya dengan keadaan rumah di Pulau Gusungan yang serba kekurangan, masyarakat Bajau Laut yang tinggal di dalam bot ini juga hidup dalam keadaan yang sama. Semua kehidupan harian mereka seperti memasak, makan minum, membasuh dan menjemur pakaian, berehat dan tidur, beranak pinak, menangkap,

**Gambar 2: Rumah penduduk**



Sumber: Kajian lapangan

**Gambar 3: Bajau Laut tinggal dalam bot**



Sumber: Kajian lapangan

memproses dan menjemur ikan dan sebagainya semuanya dilakukan di dalam bot ini.

Daripada segi bahasa pertuturan seharian adalah menggunakan bahasa Suluk dan tidak begitu fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Namun demikian, mereka sentiasa menunjukkan sikap peramah apabila bertemu dengan orang luar yang bukan penghuni pulau ini.<sup>3</sup>

Berdasarkan kepada pemerhatian juga mendapati bahawa tiada sebarang kemudahan asas seperti air paip, elektrik dan sebagainya yang disediakan oleh

kerajaan sepertimana yang dinikmati oleh lain-lain penduduk di beberapa buah pulau berhampiran. Untuk mendapatkan bekalan air, penduduk terpaksa pergi ke Pantai Manis yang berhadapan dengan Pulau Gusungan dan terletak kira-kira 10 kilometer di tanah besar Semporna. Sementara itu, cahaya daripada lilin, lampu minyak tanah dan lampu gas pula digunakan untuk menerangi rumah pada waktu malam hari. Dalam erti kata lain, penduduk di pulau ini nampaknya ketinggalan dari segi pembangunan dan terputus komunikasi. Daripada aspek pendidikan, pulau ini juga tidak mempunyai sekolah untuk kanak-kanak dan penduduk amnya. Ini menyebabkan kesemua kanak-kanak di pulau ini tidak bersekolah dan buta huruf. Oleh yang demikian, kebanyakan masa kanak-kanak ini hanya dihabiskan dengan bermain, bermandi-manda dan mengikut keluarga menangkap ikan sahaja.

#### Gambar 4: Kanak-kanak bermain di tepi Pantai



Sumber: Kajian lapangan

Memandangkan pulau ini tidak mempunyai perigi graviti atau tangki air, maka penduduk biasanya akan menggunakan air laut sahaja untuk mandi, mencuci pinggan mangkuk dan membasuh pakaian. Walaupun secara teorinya air laut ini mempunyai khasiat semulajadi untuk perawatan kulit dan kudis, namun air laut ini juga mempunyai kesan sampingan yakni menyebabkan rambut menjadi kekuningan dan kulit menjadi cepat hitam dan kering apabila berjemur di bawah sinaran cahaya matahari. Untuk mencegah kekeringan kulit, kaum wanita di pulau ini biasa akan memakai bedak sejuk di muka walaupun pada waktu siang hari. Pulau ini juga tidak mempunyai klinik kesihatan untuk tujuan perubatan dan hanya bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan klinik kesihatan bergerak yang disediakan oleh pihak hospital Semporna. Dalam kes-kes kecemasan, penduduk pulau ini terpaksa datang sendiri ke tanah besar untuk mendapatkan rawatan. Memandangkan bentuk muka bumi pulau ini tidak membenarkan aktiviti bercucuk tanam dan tiadanya kemudahan kedai runcit, maka ubi kayu yang dikenali sebagai *putu* telah dijadikan sajian utama bagi menggantikan beras yang dimakan bersama dengan ikan bakar sahaja.

**Gambar 5: Memasak Sagu dari Ubi Kayu (Putu)**



Sumber: Kajian lapangan

Satu perkara yang cukup menarik perhatian yang ada di jiwa penduduk di pulau ini ialah masih lagi mengamalkan konsep gotong royong dalam menyediakan makanan yang nampaknya sudah pupus di kalangan masyarakat lain di pulau-pulau di Semporna. Setelah selesai menyediakan makanan, semua penduduk di pulau ini akan berhimpun dan makan bersama sekadar untuk mengisi perut sahaja. Walaupun masyarakat di Pulau Gusungan ini agak terpisah daripada pelbagai arus pembangunan, namun minat terhadap bersukan tetap dipertahankan walaupun dalam bentuk ala kadar sahaja. Bersandarkan kepada semangat tersebut, penduduk di pulau ini telah bergotong royong untuk membina sebuah tiang bola keranjang walaupun hanya berlantaikan pasir. Aktiviti bermain bola keranjang ini biasa dijalankan pada waktu petang tanpa mengira jantina dan usia. Selain bersukan, kaum lelakinya juga seringkali menghabiskan masa dengan bermain daun terup dan berbual kosong sahaja. Sementara itu, kaum ibunya pula sibuk dengan pelbagai urusan di dapur dan kanak-kanaknya pula banyak menghabiskan masa bermain-main ditepi pantai mencari siput dan bermandi-manda.

### **Kegiatan Ekonomi Komuniti Bajau Laut**

Memandangkan bentuk muka bumi Pulau Gusungan ini diliputi oleh pasir sepenuhnya dan dikelilingi oleh laut, maka kegiatan ekonomi penduduknya adalah tertumpu kepada ekonomi berasaskan perikanan sahaja. Daripada segi teknologi menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan masih lagi bercirikan tradisional dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan komuniti nelayan di lain-lain pulau yang berdekatan. Berdasarkan kepada bancian yang dijalankan, pulau ini hanya mempunyai sebuah bot injin sangkut berkuasa 15hp, tiga buah *pump-boat* yang dikenali sebagai "pusu" dan 15 buah bot dayung yang dikenali sebagai *bugu-bugu* sahaja dan selebihnya dimiliki oleh nelayan dari lain-lain pulau yang hanya singgah sementara di pulau tersebut. Biasanya, bot menangkap ikan ini diperbuat sendiri oleh nelayan secara individu atau bergotong royong. Dari segi kos pembuatan

sebuah bot adalah tertakluk kepada jenis bot, saiz dan bahan binaan yang digunakan. Contohnya, kos untuk menyiapkan sebuah bot yang dikenali sebagai bogoo-bogoo akan menelan perbelanjaan sekitar RM200-RM300 iaitu untuk membeli perkakasan seperti *plywood*, cat, paku dan selebihnya mbahan-bahan terpakai sahaja.

Daripada segi perkakasan menangkap ikan pula adalah berasaskan kaedah memungut dengan tangan, penyelaman, pancing, bubu, candat sotong dan pukut sahaja. Dalam erti kata yang lain, keterbatasan di dalam teknologi dan perkakasan yang digunakan ini secara tidak langsung telah menyebabkan aktiviti menangkap

**Gambar 6: Perahu *Bogoo-Bogoo***



Sumber: Kajian lapangan

**Gambar 7: Perahu *Pump Boat***



Sumber: Kajian lapangan



**Gambar 8: Perahu Kayu**



Sumber: Kajian lapangan

ikan mereka hanya terbatas dipersekitaran perairan pulau Gusungan dan lain-lain pulau berdekatan seperti Pulau Bait, Pulau Timbun Mata dan lain-lain. Daripada segi bahan binaannya pula adalah berasaskan kombinasi bahan-bahan berasaskan kilang dan semulajadi. Contohnya, untuk menghasilkan sebuah bubu, nelayan akan mendapatkan dawai daripada kedai *hardware* di pekan Semporna untuk dijadikan dinding bubu dan mendapatkan kayu bakau daripada kawasan pesisir pantai di tanah besar Semporna untuk dijadikan rangka atau badan bubu. Sementara itu, peralatan menangkap ikan berasaskan pukuk pula diperolehi sepenuhnya daripada kedai-kedai menjual perkakasan menangkap ikan di Pekan Semporna.

Daripada segi modus operandi menangkap ikan nelayan di pulau ini boleh dikategorikan sebagai “nelayan pulang hari” sahaja yakni keluar menangkap ikan pada waktu awal pagi dan kembali pada waktu petang harinya atau sebaliknya

**Gambar 9: Bubu kayu**



Sumber: Kajian lapangan

**Gambar 10: Pukat tangsi**



Sumber: Kajian lapangan

**Gambar 11: Pukat Nylon**



Sumber: Kajian lapangan

yakni keluar pada waktu malam hari dan kembali pada waktu siang keesokan harinya. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan mendapati bahawa aktiviti menangkap ikan bukan sahaja dilakukan oleh nelayan dewasa tetapi juga turut disertai oleh kanak-kanak mereka semuda usia lima hingga lapan tahun. Walaupun usia kanak-kanak ini terlalu muda untuk menjadi nelayan, namun kehandalan dan kecekapan kanak-kanak ini sememangnya tidak dapat dipertikaikan yakni menyamai nelayan dewasa. Antara spesies ikan yang biasa didaratkan termasuklah ikan tenggiri, ikan alu-alu (barakuda), pelbagai jenis ikan batu karang, kerang-kerangan, ketam dan sotong.

Untuk memastikan bekalan ikan sentiasa segar, nelayan di pulau ini akan mendapatkan bekalan air batu dengan harga RM5.00 setiap blok dari Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. yang terletak di pekan Semporna. Berdasarkan kepada

**Gambar 12: Nelayan bersama kanak-kanak menangkap ikan**



Sumber: Kajian lapangan

**Gambar 13: Ikan batu karang untuk dijadikan Lauk**



Sumber: Kajian lapangan

pemerhatian yang dijalankan, nelayan akan kembali semula ke Pulau Gusungan sebelum memasarkan hasil tangkapan ikan mereka kepada peraih ikan di pasar ikan, Semporna untuk membawa bersama hasil-hasil tangkapan ikan nelayan lain yang hanya menggunakan bot dayung. Biasanya, wang yang diperolehi ini akan digunakan semula untuk membeli minyak bot, perkakas menangkap ikan dan lain-lain pelbagai barang keperluan harian. Selain memasarkan hasil-hasil laut dalam bentuk segar, nelayan di pulau Gusungan ini juga turut mengusahakan aktiviti pemungutan dan penyalaian tripang (*smoke*) untuk tujuan komersil.

Secara amnya, terdapat dua jenis tripang salai yang diusahakan oleh penduduk iaitu "tripang susu" (gred satu) dan tripang biasa yang disebut sebagai

*balat*. Proses penyalai dan penghasilan tripang salai dimulakan dengan cara membelah dan mengeluarkan organ dalaman tripang. Selepas itu, tripang segar tersebut akan dibasuh menggunakan air laut dan kemudiannya digaramkan dan dijemur di bawah sinaran cahaya matahari menggunakan para yang diperbuat daripada kayu dan papan terpakai. Setelah kering sepenuhnya, tripang tersebut akan disalai di atas bara menggunakan kayu api sehingga saiznya mengecut dan bertukar menjadi warna kelabu. Tripang yang telah siap di salai akan dipasarkan ke beberapa buah kedai makanan laut di Pekan Semporna dengan harga sekitar RM30-RM50 sekilo bagi tripang susu dan RM10-RM20 sekilo bagi tripang biasa.

**Gambar 14: Penjemuran Tripang**



Sumber: Kajian lapangan

**Gambar 15: Penyalaian Tripang**



Sumber: Kajian lapangan

Selain menangkap ikan dan menyalai tripang, penduduk di pulau ini juga turut menjalankan kegiatan ekonomi sampingan yakni membuat bot kayu samada untuk kegunaan sendiri atau ditempah oleh nelayan dari pulau-pulau berhampiran. Untuk menghasilkan sebuah bot, nelayan biasanya akan mendapatkan bekalan kayu, papan, paku dan cat dari kedai *hardware* di Pekan Semporna. Untuk membuat dan menyiapkan sebuah bot kayu yang berukuran kira-kira 12-17 kaki panjang memerlukan masa kira-kira satu hingga dua bulan tertakluk kepada bekalan bahan-bahan asas dan masa nelayan sendiri.

**Gambar 16: Pembuatan bot kayu**



Sumber: Kajian lapangan

## Penutup

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, sehingga kini belum lagi ada satu kajian dan penulisan mengenai Pulau Gusungan. Pada masa kini, kebanyakan kajian berhubung pulau-pulau di Semporna oleh para penyelidik hanya memberi tumpuan kepada beberapa pulau sahaja terutamanya Pulau Mabul, Sipadan dan Kapalai sahaja. Walaupun Pulau Gusungan ini hanyalah merupakan sebuah pulau batu karang dan tidak sepenting pulau-pulau lain, namun kewujudannya diperairan Semporna tetap memainkan peranan penting dari segi ekosistem dan biodiversiti marin. Persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan sebelum ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar tidak menerima nasib yang sama seperti Pulau Kapalai yang tenggelam tanpa meninggalkan catatan sejarahnya untuk tatapan generasi akan datang. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan agar kajian ini akan dapat dijadikan rujukkan asas kepada para pengkaji pada masa akan datang untuk terus mengkaji pulau ini mengikut perspektif dan disiplin ilmu masing-masing.

## Nota Hujung

---

<sup>1</sup> Temuramah dijalankan pada 9 Jun 2007 bertempat di Pulau Menampilik. Beliau merupakan antara penduduk terawal di Pulau Gusungan tetapi kini telah berpindah ke Pulau Menampilik. Beliau juga merupakan di antara anggota Relas yang juga bertanggungjawab terhadap keselamatan biodiversiti hidupan marin di kawasan perairan Pulau Gusungan daripada ancaman manusia seperti penggunaan bom ikan dan racun perosak.

<sup>2</sup> Antara pulau-pulau yang seringkali menjadi destinasi masyarakat Bajau Laut ini termasuklah kawasan pesisir pantai Pulau Mabul, Dinawan, Si Amil, Omadal, Bohey Dulang, Timba-Timba, Matakang dan lain-lain pulau di perairan Semporna.

<sup>3</sup> Sikap peramah dan melayan tetamu ini telah ditunjukkan oleh En. En. Arsad Al-Masin selaku "ketua" di Pulau Gusungan yang sudi menghidangkan air kosong yang diisi di dalam bekas botol plastik coca cola dengan sedikit biskut kosong dan rokok kepada pengkaji walaupun mengalami masalah untuk mendapatkan hidangan tersebut dan melarang kanak-kanak yang cuba mengambilnya.

## Bibliografi

David & Sue Fielding. *Borneo Jewel in a Jade Rainbow: Letters & Legends from North Borneo Sabah*. Kota Kinabalu: Koisaan Cultural Development Institute, 1997.

*Peta Negeri Sabah*. Rampaian (misc.) 80. Kuala Lumpur: Jabatan Pemetaan Negara, 1988.